

# SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*

**Komunikasi Korporat Kumpulan**

Tingkat 31, Menara Bank Islam

No. 22 Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Telefon 03 2088 8000

Fax 03 2781 2998

[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD MENURUNKAN KADAR ASAS KEPADA 3.52%**

**KUALA LUMPUR, Sabtu, [25 Januari 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menyemak Kadar Asas ("BR") sebanyak 25 mata asas daripada 3.77% kepada **3.52%** setahun, manakala Kadar Pembiayaan Asas ("BFR") dikurangkan daripada 6.72% kepada **6.47%** berkuat kuasa **28 Januari 2020**.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata "semakan semula kadar adalah disebabkan oleh penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Penurunan ini akan mengurangkan bebanan kewangan pengguna serta merangsang pelaburan dan penggunaan dalam negara memandangkan kadar keuntungan efektif akan diselaraskan dengan sewajarnya. Selain itu, pengurangan ini akan diterjemahkan kepada kadar ansuran lebih rendah yang seterusnya menjana ekonomi Negara".

Semakan terakhir BR Bank Islam dilakukan pada 10 Mei 2019 semasa kadar BR disemak semula daripada 4.03% kepada 3.77% dan BFR daripada 6.98% kepada 6.72%.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut

mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p><b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a></p>	<p><b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a></p>
--	--